



MSM buka kilang tapis gula di Johor

» *Kemudahan RM882j di Tanjung Langsat mula operasi 2017*

Oleh Shahrizan Salian

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) akan memulakan kerja pecah tanah kilang penapisan gula ketiganya bernilai AS\$245 juta (RM882 juta) di Tanjung Langsat, Johor pada Jun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata kerja pembinaan di atas tapak seluas 20 hektar yang dibeli daripada Johor Corporation itu dijangka mengambil masa antara 22 hingga 24 bulan dan dijangka mula beroperasi pertengahan 2017.

Katanya, kompleks berkenaan mempunyai keupayaan untuk mengandalkan kapasiti pengeluaran dua juta tan setahun, namun syarikat akan memulakannya dengan kapasiti sejuta tan terlebih dulu.

"Apabila kilang baharu itu beroperasi kelak, ia akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kumpulan kepada 2.25 juta tan setahun.

"Ia sekali gus membolehkan

kumpulan berada dalam landasan untuk mencapai sasaran mengeluarkan empat juta tan gula setahun menjelang 2020," katanya pada taklimat media mengumumkan prestasi kewangan 2014 MSM di Kuala Lumpur, semalam.

Ada dua kemudahan

MSM yang juga anak syarikat FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV), ketika ini mempunyai dua kemudahan pengeluaran gula di Prai dan Perlis.

Sheikh Awab berkata, kumpulan juga dijangka memuktamadkan cadangan penggabungan dan pengambilalihan (M&A) pada peringkat Asia pada pertengahan tahun ini, dengan proses berkenaan sedang menunggu pengesahan mengenai 'angka' daripada bank.

Pada masa sama, katanya, MSM akan membuka pejabatnya di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) bulan depan

dan dijangka beroperasi pada 1 April ini.

MSM mencatatkan keuntungan bersih RM257.01 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, meningkat satu peratus berbanding RM254.6 juta dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Pendapatannya meningkat 3.6 peratus kepada RM2.28 bilion, berbanding RM2.02 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.

Sheikh Awab berkata, prestasi memberangsangkan adalah hasil fokus kumpulan terhadap penjimatan kos, pengurusan operasi mantap serta lindung nilai gula mentah yang tepat pada masanya.

"Inisiatif penjimatan kos membabitkan seluruh operasi dan rantai bekalan MSM, termasuk penumpuan semula pusat pengedaran kumpulan, di samping program penjimatan tenaga dari segi penggunaan bahan bakar dan elektrik," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

“
Apabila kilang baharu itu beroperasi kelak, ia akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kumpulan kepada 2.25 juta tan setahun”

Sheikh Awab Sheikh Abod,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM

Info Kewangan

© **Bagi suku keempat** berakhir 31 Disember 2014, untung bersih meningkat 189 peratus kepada RM74.96 juta, berbanding RM25.9 juta pada suku sama 2013

© **Pendapatan pada suku** berkenaan naik kepada RM628.07 juta, berbanding RM537.33 juta pada suku keempat 2013

